

PENULISAN ESEI

TAJUK ESEI: Cara Menghadapi Gangguan Teknologi

PENULIS: Nor Ain Syazwani Mohd Yassin

Tarikh diterbitkan: 28 Januari 2021

PENGENALAN

Perkembangan dan kemajuan teknologi yang begitu pesat kala ini tidak dapat disangkal lagi. Hal ini kerana teknologi telah memberikan impak yang sangat besar kepada pelbagai bidang dalam kehidupan manusia di seluruh pelusuk dunia. Teknologi ini bukan sahaja dapat mempercepatkan dan memudahkan kerja, malah dapat meningkatkan kualitinya. Dengan itu, sesuatu kerja itu dapat disempurnakan tepat pada waktunya dengan nilai produk yang lebih baik. Tambahan pula, penggunaan teknologi ini juga lebih ekonomikal dan efisien kerana terdapat pelbagai perkara atau tugas yang dapat kita lakukan hanya menggunakan satu jenis peranti atau aplikasi. Dengan perkembangan yang semakin sihat ini, pelbagai pihak telah terpenggil dan komited untuk menggunakannya dalam setiap sektor atau bidang pekerjaan dan urusan.

Antaranya termasuklah bidang perubatan, komunikasi dan maklumat, pembinaan, ekonomi, perniagaan, pendidikan dan lain-lain lagi. Ketika ini, bidang yang menjadi pengguna teknologi paling ampuh ialah bidang pendidikan. Para pelajar dan tenaga pengajar seperti guru, pensyarah dan lain-lain mula menekankan penggunaan teknologi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) di pelbagai peringkat pengajian. Tambahan pula, dalam situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara kita dan seluruh dunia. Pengurangan mobiliti manusia untuk mengawal penyebaran virus Covid 19, menyebabkan urusan harian terpaksa dilakukan secara dalam talian. Dan ini amat bergantung kepada teknologi. Penggunaan dan kebergantungan kepada teknologi tidak hanya tertumpu kepada bidang pendidikan sahaja, bahkan bidang-bidang yang lain agar kestabilan ekonomi, sosial dan lain-lain tidak terganggu.

Sungguhpun begitu, secanggih mana sekalipun teknologi itu, pasti akan ada kekurangan dan kelemahannya. Sebelum itu, mari kita lihat dahulu kemajuan teknologi yang berlaku di negara Jepun. Negara Jepun sangat terkenal dengan alat-alat atau mesin-mesin

berteknologi tinggi yang serba canggih yang dihasilkan oleh mereka. Nama Shinkansen agak asing dalam kalangan rakyat Malaysia, tetapi di negara Jepun ia amat dikenali oleh rakyat negara Matahari Terbit itu. Shinkansen ialah kereta api berkelajuan tinggi atau kereta api peluru. Ketika kereta api itu dibina dan dibangunkan, bertujuan untuk menyambungkan daerah-daerah di Jepun yang jauh dari ibu kota Tokyo. Selain menjadi rangkaian kereta api komuter, secara tidak langsung, ia telah membawa kepada perkembangan dan pembangunan ekonomi di Jepun. Banyak lagi yang mereka telah cipta, termasuklah robot yang digunakan untuk kerja-kerja pemprosesan dan pembungkusan.

APAKAH TEKNOLOGI

Sebelum kita pergi lebih jauh, mari kita fahami dan dalami apa yang dimaksudkan dengan teknologi. Teknologi merupakan satu konsep yang luas dan mempunyai lebih daripada satu takrifan. Takrifan yang pertama ialah pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan, dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia. Perkataan *technology* berasal dari perkataan Greek (*technologia*), dari (*techne*), yang bermaksud “seni, kemahiran, rekaan”. Dan (*-logia*), yang bermaksud “pembelajaran, kajian”. Istilah ini boleh diguna pakai sama ada secara umum atau dalam bidang tertentu. Terdapat banyak teknologi dalam dunia ini. Ianya tidak hanya tertumpu pada satu perkara seperti internet, komunikasi dan maklumat sahaja bahkan mencakupi bidang atau sektor lain seperti pembinaan, perubatan, pertanian, pengangkutan dan sebagainya. Istilah teknologi selalunya dikaitkan dengan rekaan dan gadget yang menggunakan prinsip sains dan teknologi serta proses tertentu dalam penciptaannya.

Takrif yang kedua digunakan dalam bidang ekonomi, yang mana ia dilihat sebagai tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk yang dikehendaki. Oleh itu, teknologi akan berubah dari masa ke masa jika pengetahuan kita tentang aspek teknikal semakin berkembang yakni berubah dari yang biasa ke arah yang lebih canggih.

Teknologi juga ditakrifkan sebagai seni menggunakan ilmu pengetahuan secara saintifik atau kaedah manusia menggunakan kekuasaannya ke atas persekitaran. Teknologi merupakan cantuman alat, ilmu pengetahuan, dan budaya kerja yang membolehkan sesebuah organisasi menukarkan input kepada output. Contohnya, bagaimana sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia mengaplikasikan pengetahuan sains untuk manfaat dan menyelesaikan masalah manusia yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

Komputer ialah alat yang digunakan untuk mengolah informasi menurut prosedur yang telah dirumuskan. Komputer literasi bermaksud pengguna mengetahui bagaimana untuk menggunakan komputer dengan betul. Contohnya, pelajar mengetahui nama-nama komponen komputer dan fungsi-fungsinya. Pelajar juga boleh membuat tugas yang diberikan oleh guru-guru dengan menggunakan program yang betul dalam teknologi yang ada. Umpamanya, pelajar membuat surat rasmi perlu menggunakan MS Word dan jika ingin membuat pembentangan perlu menggunakan Powerpoint. Maka, ini yang dimaksudkan sebagai teknologi yang telah kita guna setiap hari tanpa kita sedari. Dengan adanya teknologi ini maka kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan mudah dan cepat.

TEKNOLOGI PENDIDIKAN DAN GANGGUAN TEKNOLOGI

Teknologi Pendidikan ialah satu bidang yang berkaitan dengan usaha memudahkan pembelajaran dan menarik minat murid dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Bidang ini meliputi aktiviti berikut. Yang pertama, mengenalpasti semua bahan sumber pendidikan dan sumber manusia untuk P&P. Kedua, membangun, menghasil, mengelola, dan menggunakan bahan sumber P&P. Ketiga, mengurus proses mengenalpasti, membangun, mengelola, dan menggunakan bahan sumber P&P. Penggunaan teknologi pendidikan secara teratur dan teliti akan menjadikan proses P&P lebih berkesan dan memudahkan pelajar dalam memahami sesuatu perkara. Lantaran itu, guru-guru perlulah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mantap tentang teknologi pendidikan supaya dapat mengguna, mengurus, dan menilai bahan-bahan yang terbaik bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Teknologi dalam pendidikan pula bermaksud aplikasi media, sistem, pendekatan, dan teknik ke arah pencapaian P&P yang berkesan (BTP, 1991). Teknologi dalam pendidikan juga merupakan kombinasi proses dan alat yang terlibat untuk menangani keperluan dan masalah pendidikan dengan memberi penekanan kepada aplikasi alat yang terkini. (Komputer dan teknologi yang berkaitan, Roblyer, 2003). Seterusnya, teknologi dalam pendidikan juga merujuk kepada satu bidang dan etika yang praktikkan untuk memudahcara dan meningkatkan keberkesanan P&P melalui penghasilan, penggunaan sumber, dan proses teknologi yang sesuai (AECT, 2004).

Antara kepentingan teknologi dalam pendidikan termasuklah:

- i. melancarkan proses P&P, dengan menjimatkan masa, tenaga dan kos,
- ii. mengekalkan minat dan perhatian murid,
- iii. mengelakkan berlakunya kekeliruan atau salah tafsir terhadap konsep yang diajar,
- iv. melibatkan pelbagai deria bagi meningkatkan daya ingatan murid,
- v. membantu murid mendapat kesan pembelajaran yang optimum,
- vi. memperkaya pengalaman murid.

Dalam situasi pandemik Covid-19 seperti sekarang ini, penggunaan teknologi serta peranti yang berkaitan amat ditagih bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPR) dapat dilaksanakan. Selain dapat mengekang kemungkinan tersebarnya virus Covid 19, PdPR yang menggunakan sepenuhnya teknologi internet, dapat mengelakkan murid daripada ketinggalan dalam pembelajaran. Pembelajaran secara dalam talian ini sering dikaitkan dengan istilah-istilah seperti e-pembelajaran (e-learning), pembelajaran jarak jauh (PJJ) dan sebagainya.

Namun begitu, kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti ini, tidak lari daripada gangguan teknologi. Terdapat banyak gangguan teknologi yang boleh berlaku. Antaranya ialah capaian internet yang kurang memuaskan sama ada di pihak pelajar mahupun disebelah pengajar. Lagi malang kerana ramai pelajar yang kurang atau tiada kemudahan seperti komputer dan telefon bimbit. Hal ini kerana kondisi setiap keluarga itu berbeza, ada yang mampu untuk memilikinya dan ada juga yang kurang berkemampuan. Selain itu, suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk belajar. Bagi pelajar yang kurang berkemampuan pasti menghadapi masalah ini apabila melaksanakan tugas dari rumah. Masalah ini meliputi suasana persekitaran yang bising, tempat yang sempit serta tiada meja dan kerusi yang sesuai.

Terdapat pelbagai cara yang boleh kita ambil untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Pertama, bagi golongan yang berkemampuan perlulah membeli perisian terkini untuk mengakses program dalam talian mereka, atau membayar tambahan untuk menaikkan capaian internet kepada yang berkelajuan tinggi. Bagi yang kurang berkemampuan, perlulah membuat permohonan pengaksesan internet kepada pihak-pihak yang selayaknya. Kedua,

daripada aspek kemudahan pembelajaran seperti komputer dan lain-lain. Bagi yang kurang berkemampuan perlu memaklumkan kepada guru-guru atau pensyarah akan masalah tersebut agar dapat mengelakkan salah faham antara pelajar dan pengajar. Kemudian dapatkan bantuan rakan-rakan kelas untuk mengongsi maklumat dan tugas yang perlu dibuat. Ketiga, perlulah menyediakan atau mendapatkan satu tempat yang kondusif dan selesa mengikut kemampuan masing-masing. Cukup sekadar untuk menyertai kelas yang sedang berlangsung.

GANGGUAN TEKNOLOGI DARI SEGI KOMUNIKASI DAN MAKLUMAT

Teknologi maklumat dan komunikasi atau dikenali juga sebagai ICT (Information and Communication Technology) merupakan teknologi yang memerlukan satu akses untuk memproses pelbagai data. Ia mempunyai ruang lingkup sangat luas. Teknologi ini juga berkenaan dengan pelbagai aspek dalam pengurusan dan pemrosesan maklumat sama ada maklumat peribadi, kerja dan lain-lain. Secara mudahnya ini merupakan penggunaan komputer dan perisian yang ada dalam teknologi tersebut untuk menyimpan, melindungi dokumen, mengubah, memproses, memindah, melihat, dan mendapatkan pelbagai maklumat walau di mana kita berada tanpa mengira masa. Kesimpulannya, teknologi maklumat boleh diringkaskan sebagai satu medan untuk pengaliran, penyebaran, pemrosesan dan penyimpanan maklumat dengan menggunakan perantaraan teknologi yang sedia ada. Secara umumnya, teknologi ini digambarkan sebagai satu medan atau ruang untuk memudahkan kita mewujudkan pengaliran maklumat yang sangat pantas dan efektif.

Teknologi maklumat ini tidak hanya terhad kepada pengaksesan internet dan komputer sahaja, bahkan ia merangkumi juga teknologi lain seperti televisyen, telefon, telefon mudah alih, fax, telegram, PDA, Facebook, Instagram, dan sistem satelit dalam menyampaikan pelbagai maklumat kepada pengguna. Terdapat tiga asas penting yang perlu ada dalam teknologi maklumat dan komunikasi ini. Pertama, teknologi maklumat adalah bidang yang dikhususkan untuk mencari dan menggumpulkan pelbagai maklumat dari pelbagai sumber. Contoh, penggunaan komputer untuk merekod bunyi, imej dan sebagai pengesan pergerakan. Kedua, untuk memanipulasikan maklumat dan proses semula imej. Ketiga, digunakan untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Iaitu bagaimana teknologi digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan mudah.

Sungguhpun teknologi ini canggih, namun kelemahannya juga ada. Umpamanya, mudahnya kehilangan maklumat yang disimpan. Ini mungkin disebabkan terdapatnya virus dalam sistem komputer kita. Atau, mungkin juga disebabkan oleh masalah yang berlaku pada komputer itu sendiri. Selain itu, sambungan atau keaksesan internet yang rapuh dan sering terjadi gangguan.

Apakah cara kita untuk kita mengatasi masalah gangguan teknologi ini? Pertama, memasang aplikasi yang boleh melindungi (anti virus) dokumen dan fail-fail yang ada dalam komputer tersebut dari sebarang virus. Kedua ialah mengadakan pengaksesan internet yang

berkelajuan tinggi untuk memudahkan komunikasi dan pencarian maklumat terjadi dengan mudah, segera, dan cepat. Ketiga ialah menyusun kembali semua fail atau dokumen yang ada dengan lebih teliti supaya dapat mengelakkan kehilangan informasi dan dokumen yang kita simpan dalam komputer.

KESIMPULAN

Kesimpulanya, kita amat memerlukan teknologi dalam kehidupan kita. Lebih-lebih lagi dalam era yang sungguh maju, laju dan canggih ini. Sesebuah negara yang maju ialah mereka yang memiliki dan menggunakan teknologi tinggi dalam urusan hariannya. Contohnya negara-negara seperti China, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Jepun dan lain-lain lagi. Jika negara kita ingin duduk sama tinggi dengan negara-negara tersebut kita juga perlu memiliki teknologi sendiri. Perkembangan teknologi maklumat ini sememangnya diakui memberikan kesan yang mendalam kepada golongan belia. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada kebijaksanaan golongan itu sendiri dalam memilih dan menggunakan teknologi itu.

Sebagai seorang muslim yang baik, cara kita menghadapi gangguan teknologi ialah dengan mempunyai kesabaran yang tinggi, mencari solusi dari permasalahan kita itu, dan cuba untuk meningkatkan lagi tahap pengetahuan kita terhadap masalah dan penyelesaian teknologi itu sendiri.

BIBLIOGRAFI:

1. <https://www.slideshare.net/KUmikoKiYoko/teknologi-45638627>
2. Ahmad Zaki Amiruddin (2014 July) *Penggunaan Aplikasi atas Talian dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan kepada Quizlet.com* https://www.researchgate.net/publication/306378709_PENGGUNAAN_APLIKASI_ATAS_TALIAN_DALAM_PROSES_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_BAHASA_KETIGA_PENGENALAN KEPADA QUIZLET.COM
3. JPK.Malayasia.com (2020, June 25) *Cabaran pembelajaran Online – Cadangan Mengatasinya*. <http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-online-cadangan-mengatasinya/>

4. 10 *Kelebihan dan Kekurangan Teknologi* .
<https://ms.thpanorama.com/articles/tecnologa/10-ventajas-y-desventajas-de-la-tecnologa.html>

5. cmnacademy.com (2020, March 6). *Kebaikan dan Keburukan Teknologi*.
<https://cmnacademy.com/kebaikan-dan-keburukan-teknologi/>

6. Mokmin Basir (2004 September) . *Teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan Perubahan Nilai Masyarakat*.
https://www.researchgate.net/publication/283471065_Teknologi_komunikasi_dan_maklumat_ICT_dan_perubahan_nilai_masyarakat

7. Moustapha Abbas (2018, May 29). *Shinkansen: Sejarah dan Impak pada Ekonomi Jepun*.
<https://www.thepatriots.asia/shinkansen-sejarah-dan-impak-pada-ekonomi-jepun/>

8. cikguod.weebly.com (2015, March 30). *Konsep Teknologi Maklumat*.
<https://cikguod.weebly.com/bab-1/konsep-teknologi-maklumat>